



UKIR SENYUMAN ANAK PULAU

Persatuan Ekspansi Amal UKM bantu kanak-kanak Pulau Mabul terima pendidikan sempurna

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kira-kira 30,000 kanak-kanak di Pulau Mabul, Sabah dipercayai tidak mempunyai status kerakyatan dan kebanyakan mereka adalah penduduk tempatan.

Disebabkan kekurangan itu, mereka berhadapan halangan tidak boleh mengakses kemudahan pendidikan, bantuan persekolahan, kesihatan, kebajikan sosial dan manfaat lain.

Situasi itu mendorong Persatuan Ekspansi Amal dengan kerjasama Persatuan Pendidikan Mabul

menganjurkan program Pendidikan Kanak-kanak Mabul 2018 di pulau berkenaan, baru-baru ini.

Persatuan Ekspansi Amal terdiri daripada 10 penuntut Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pengerusi Persatuan Ekspansi Amal T Sathiya Kumar berkata, tujuan utama penganjuran program berkenaan ialah untuk membantu kanak-kanak terbahit supaya dapat mengakses pelbagai kemudahan dengan lebih baik.

"Kami mahu kanak-

kanak di sini tidak ketinggalan dalam menerima pembangunan meskipun ia tidak seperti kanak-kanak di Semenanjung.

"Sekurang-kurangnya mereka dapat melalui proses menjadi modal insan yang sempurna dan tidak diabaikan," katanya.

Katanya, antara aktiviti dijalankan persatuan itu adalah membabitkan diri dengan kerja membaiki pulih infrastruktur sedia ada seperti pemasangan bumbung dan mengecat bersama penduduk setempat.

"Kami juga akan membekalkan keperluan dalam meningkatkan taraf pendidikan di Pulau Mabul seperti projektor, komputer riba, buku rujukan dan alat tulis.

"Menerusi kelengkapan itu, kami bukan saja mahu mereka mendapat pendidikan dengan sempurna, malah berpeluang menjalani kehidupan dengan selesa," katanya.

Bellau berkata, persatuan itu ditubuhkan bagi menggalakkan penuntut

pasca-siswazah terbahit aktif dalam melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Inisiatif diperkenalkan Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB) UKM, Prof Madya Dr Zaher Zain ini dilihat sebagai cara baru yang sangat baik dalam memupuk semangat keprihatinan penuntut berkenaan program CSR yang dapat memberi impak kepada masyarakat dan pihak lain.

"Aktiviti ini bukan saja dilihat sangat bermanfaat kepada masyarakat setempat di Pulau Mabul, malah turut mendedahkan penuntut GSB-UKM dengan semangat berpasukan, berkasih sayang, kemanusiaan, budaya tempatan yang unik dan keindahan alam," katanya.

Malah, beliau turut mengharapkan usaha murni dan semangat diperjuangkan Persatuan Ekspansi Amal bersama penuntut pasca-siswazah UKM itu dijadikan contoh kepada penuntut di negara ini dalam membantu golongan memerlukan.

1. SATHIYA mengecat sekolah pada program Pendidikan Kanak-kanak Mabul 2018.

2. PROGRAM Pendidikan Kanak-kanak Mabul 2018 berlangsung tiga hari.

3. KANAK-KANAK teruja menyertai program pendidikan yang diadakan khas untuk mereka.

4. KANAK-KANAK membaca buku rujukan yang disediakan sukarelawan.

5. PENUNTUT menyusun peralatan yang digunakan dalam program.

